

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 SEPTEMBER 2016

## Pelajari disiplin, semangat bekerja rakyat Jerman

lem - 29/9/2016

**BERLIN 28 Sept.** - Para pelajar Malaysia di Jerman perlu mengambil peluang untuk mempelajari kekuatan disiplin dan semangat bekerja yang dimiliki oleh rakyat di negara tersebut, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri menegaskan, setiap negara mempunyai kekuatan dan kelebihan masing-masing dan karektor ini perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar Malaysia semasa menuntut di sana.

Jerman, katanya, menjadi peneraju dalam industri berteknologi tinggi kerana rakyatnya cukup berdisiplin, tekun, budaya kerja berpasukan dan mempu-

nyai nilai-nilai patriotisme yang membanggakan.

“Semasa menuntut di negara-negara seperti ini, adalah merugikan jika nilai dan karektor baik sesebuah negara itu tidak dipelajari dan dijadikan contoh,” katanya semasa berucap pada majlis makan malam bersama para pelajar dan masyarakat Malaysia di Hotel Ritz-Carlton di sini malam tadi.

Najib yang dalam rangka lawatan tiga hari di Jerman berharap para pelajar dapat mempelajari nilai-nilai disiplin yang tinggi itu untuk dibawa balik dan dipraktikkan di Malaysia.

“Sebagai contoh, apabila membeli produk-produk dari Jerman, kita sudah tahu mutu kualitinya dan kelebihan yang ada pada produk tersebut,” tambahnya.

Menurutnya, antara sebab kerajaan menghantar pelajar-pelajar menuntut di luar negara adalah untuk mempelajari nilai-nilai kerja yang tinggi itu.

Beliau menegaskan, para pelajar seharusnya berasa bangga apabila berpeluang menuntut di luar negara dan kemudian kembali untuk berbakti.

Pada masa ini terdapat 634 orang pelajar Malaysia yang sedang menuntut di beberapa uni-

versiti di Jerman dan jumlah ini dijangka meningkat.

Menurutnya, kerajaan akan mempertimbangkan untuk menghantar lebih ramai pelajar ke Jerman.

Mengenai minat yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur Jerman di Malaysia, katanya, ini membuktikan mereka yakin pada kestabilan dan kekuatan yang ada pada Malaysia.

Menurutnya, ahli-ahli perniagaan di Jerman mahukan keyakinan dan kestabilan kerana mereka bukan mahu melabur untuk jangka pendek tetapi untuk tempoh yang lama. - UTUSAN